



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf **Contract For Service** iaitu:-

- JAWATAN** : **PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIK) GRED JA5**
- KLASIFIKASI** : **KEJURUTERAAN**
- TARAF JAWATAN** : **KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)**
- JUMLAH KEKOSONGAN** : **1 KEKOSONGAN**
- SYARAT LANTIKAN** : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a) (i) Sijil dalam bidang Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - (ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

- SYARAT KELAYAKAN** : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian BAHASA MELAYU** (sekurang-kurangnya **Gred C**) Dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- *Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan dalam bidang elektrik/elektronik**

RINGKASAN TUGAS:

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan elektrik/elektronik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

PERMOHONAN

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang MPTI/i-1/2025 yang boleh dimuat turun (download) melalui portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : www.mpti.gov.my
2. Keterangan lanjut mengenai syarat lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : www.mpti.gov.my

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- i. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- ii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iii. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- iv. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.
- v. Sila ambil maklum pengambilan bagi jawatan '*Contract For Service*' (CFS) bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 07 JULAI 2025